



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000
Faks: 03 – 8891 5557
Laman Web: www.kpkt.gov.my
Emel: pro@kpkt.gov.my
Twitter: www.twitter.com/kpkt_gov
Facebook: www.facebook.com/KPKTMalaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (172)

Tarikh : 13 Oktober 2016

SIARAN MEDIA

Budaya Kreativiti dan Inovasi Pemangkin Transformasi KPKT

Putrajaya, 13 Oktober 2016 - Bertemakan Budaya Kreativiti dan Inovasi Pemangkin Transformasi KPKT sempena Sambutan Hari Inovasi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2016, sambutan ini telah dirasmikan oleh YB Menteri KPKT, Tan Sri Noh bin Haji Omar pada petang ini.

2. Hari Inovasi KPKT ini diadakan setiap tahun bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada semua pihak warga kerja KPKT yang telah berjaya mencetuskan idea-idea inovasi yang bukan sahaja bersifat baru, unik dan bermanfaat tetapi ianya sesuatu hasil yang mampu berfungsi sebagai pemangkin kepada transformasi serta kesejahteraan Negara.

3. Pada petang ini, KPKT memberikan pengiktirafan terhadap usaha pembudayaan dan pelaksanaan usaha-usaha Inovasi. Pengiktirafan yang tertinggi di peringkat KPKT adalah Anugerah Khas Inovasi Menteri dan Anugerah Inovasi Menteri. Berikut adalah kategori anugerah yang dipertandingkan:

- Anugerah Khas Inovasi Menteri
- Anugerah Inovasi Menteri (AIM)
- Anugerah Inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT). Pada tahun ini, sebanyak 21 penyertaan daripada PBT telah diterima dan sebanyak lapan (8) PBT telah disenarai pendek untuk diberi penghargaan di dalam Majlis Sambutan ini. Penghargaan ini adalah bagi mengiktiraf usaha-usaha inovasi mereka yang telah mencapai tahap yang boleh direplikasi dan dikomersialisasi.
- Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2016
- Hadiah Pertandingan Pejabat Terbaik KPKT

4. Hasil kreativiti dan inovasi yang dipamerkan sekitar lobi utama dan Dewan pada petang ini adalah sempena Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)

yang telah bermula sejak 10 Oktober berakhir pada 13 Oktober 2016. KIK ini disertai oleh 19 kumpulan mengikut kategori iaitu tujuh (7) kumpulan kategori teknikal, lapan (8) kumpulan kategori pengurusan dan empat (4) kumpulan kategori hibrid.. Bagi tahun ini, penyertaan dan tahap pematuhan penyediaan dokumen Konvesyen KIK mencatatkan jumlah peringkatan berbanding tahun lepas.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mel : pro@kpkt.gov.my